

26 Februari 2010

## **Tinjauan Mengenai Kemajuan Wanita dan Halangan yang Masih Ada Menangani isu-isu berkenaan peluang sama rata, kesihatan dan keganasan gender**

Oleh Jane Morse

Penulis Staf

Washington – Pada bulan Mac, dunia memperingati Hari Wanita Antarabangsa dan di Amerika Syarikat pula ia merupakan Bulan Sejarah Wanita. Walaupun wanita telah mencapai banyak kemajuan di dalam pelbagai bidang yang mana mereka dahulu agak terpinggir, masih banyak kerja yang perlu dilakukan di bidang-bidang lain termasuk pendidikan, kesihatan dan isu keganasan gender.

Setiausaha Negara Hillary Rodham Clinton telah berjanji untuk menjadikan isu-isu wanita sebagai isu penting dalam tempoh beliau menjawat jawatan setiausaha. Semasa pengesahan perantikan jawatan, Clinton telah memberi perhatian beliau terhadap nasib golongan wanita dan gadis yang sebahagian besarnya merupakan golongan yang tidak berpendidikan dan tidak sihat di dunia.

"Jika separuh daripada penduduk dunia masih terdedah kepada penindasan ekonomi, politik, undang-undang dan sosial, harapan kita untuk memajukan demokrasi dan kesejahteraan akan kekal berada dalam tahap serius," katanya. "Jalan kita masih panjang. Amerika Syarikat perlu terus menjadi suara yang jelas dan tegas untuk menyokong hak-hak wanita di setiap pelusuk negara, wilayah dan benua."

Pentadbiran Obama masih agresif mempromosikan isu-isu wanita, baik di Amerika Syarikat atau di luar negara. Pada peringkat awal beliau menjadi Presiden, Presiden Obama telah mewujudkan jawatan baru di Rumah Putih - kini dipegang oleh Lynn Rosenthal - untuk menasihati presiden dan wakil presiden tentang keganasan domestik dan isu-isu keganasan seksual di Amerika Syarikat. Presiden juga mewujudkan jawatan baru di Jabatan Negara AS iaitu Duta Besar untuk Isu-isu Wanita Global. Melanne Verveer, yang mempunyai kerjaya panjang dalam usaha memajukan wanita, dilantik memegang jawatan tersebut bagi menggerakkan sokongan kuat di seluruh dunia untuk hak-hak wanita dan memerangi keganasan terhadap golongan wanita dan kanak-kanak perempuan dalam segala bentuknya.

Tumpuan Clinton terhadap isu wanita digariskan semasa kunjungannya ke Afrika pada tahun 2009, di mana keganasan terhadap wanita di daerah berkonflik merupakan satu masalah. Di sana, beliau memberikan bantuan kepada mangsa keganasan gender dan mengumumkan program bantuan untuk membantu mereka. Sambil memuji satu resolusi Majlis Keselamatan PBB, Clinton menekankan bahawa keganasan terhadap wanita tidak boleh dipandang sebagai ciri budaya yang tidak diingini, tetapi sebagai satu kesalahan jenayah.

Selain memastikan bahawa wanita di seluruh dunia selamat daripada keganasan gender, Jabatan Negara di bawah Clinton telah menumpukan kepada meningkatkan peluang ekonomi wanita - seterusnya diikuti dengan hak dan kebebasan lain. Dalam ucapan di hadapan Kongres pada bulan Oktober 2009, Verveer berkata wanita dari seluruh pelusok dunia adalah "pemacu pertumbuhan ekonomi" dan cenderung untuk melaburkan kembali pendapatan yang mereka dapat ke dalam keluarga dan masyarakat.

"Apabila wanita diberikan hak-hak mereka dan peluang yang sama dalam bidang pendidikan, penjagaan kesihatan dan mendapatkan pekerjaan, mereka akan memacu kemajuan ekonomi dan sosial," tegas Clinton dalam ulasan musim panas yang lalu.

Clinton akan menghadiri beberapa acara untuk memperingati Hari Wanita Antarabangsa.

Pada 10 Mac di Washington, Clinton akan menjadi tuan rumah untuk acara tahunan Anugerah Keberanian kepada Wanita Antarabangsa di Jabatan Negara. Anugerah ini diperkenalkan pada bulan Mac 2007 oleh Setiausaha Negara yang lalu, Condoleezza Rice, sebagai mengiktiraf golongan wanita di seluruh dunia yang telah menunjukkan keberanian luar biasa dan kepimpinan dalam advokasi hak asasi manusia. Ini adalah satu-satunya anugerah Jabatan Negara bagi mengiktiraf peranan pemimpin wanita di seluruh dunia. Ia mengiktiraf keberanian dan kepimpinan yang mereka tunjukkan dalam berjuang untuk keadilan sosial dan persamaan hak.

Pada 10 Mac, Clinton akan menyampaikan anugerah Global Trailblazer kepada Melinda Gates dari Yayasan Bill dan Melinda Gates pada sambutan tahunan Anugerah Kepimpinan Vital Voices Global di Pusat Kennedy di Washington. Vital Voices adalah pertubuhan bukan kerajaan yang mempromosikan penyertaan wanita di dalam proses politik di negara mereka. Clinton membantu penubuhan Vital Voices Global Partnership pada tahun 1997 selepas Persidangan Dunia Keempat mengenai Wanita yang diadakan di Beijing. Dalam pidato penuh semangat di persidangan PBB, Clinton, Wanita Pertama ketika itu, membuat satu kenyataan hebat iaitu: "Hak asasi manusia adalah hak-hak wanita dan hak-hak wanita adalah hak asasi manusia."

Sejak tahun 1987, Amerika Syarikat telah menyambut Bulan Sejarah Wanita pada setiap Mac. Pentadbiran Obama, dalam usaha yang dipelopori oleh Clinton, telah menjadikan isu-isu wanita sebagai sesuatu yang perlu diberi perhatian sepanjang tahun.

"Saya yakin puteri-puteri kita boleh memberi sumbangan yang banyak kepada masyarakat seperti juga putera-putera kita," kata Presiden Obama. "Kesejahteraan umum akan menjadi lebih baik dengan membolehkan seluruh golongan manusia - lelaki dan wanita - untuk mencapai potensi penuh mereka."